



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG



**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH-SEKOLAH PULAU PINANG**

TINGKATAN 5

**BAHASA MELAYU
KERTAS 1**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**PERATURAN
PEMARKAHAN**

1103/1@2026 Hak Cipta Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang



**PERATURAN PEMARKAHAN
BAHASA MELAYU KERTAS 1
BAHAGIAN A**

FORMAT**Tiada**

1. Format penulisan komen :

T - menepati tugas

I - relevan, huraian jelas

B - gramatis dari segi kata dan ayat

P - sangat menarik dan berkesan

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan perhimpunan sekolah.

Huraikan pendapat anda tentang **kebaikan-kebaikan perhimpunan sekolah** kepada murid sekolah.

Panjangnya huraian hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.

2. Kehendak / tugas soalan

- i. Calon perlu menghuraikan kepentingan/kebaikan/manfaat perhimpunan sekolah kepada murid sekolah.
- ii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan iaitu :
 - Maklumat berkaitan perhimpunan sekolah (bahan 1)
 - Melahirkan pemimpin yang bijaksana (bahan 2)
 - Melatih menjadi murid yang berdisiplin (bahan 3)
- iii. Calon **perlu menyentuh semua bahan** sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
- iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan kepentingan/kebaikan/manfaat - **DITERIMA DAN SEMAK SEPERTI BIASA**.
- v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
- vi. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
- vii. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan - maksimum peringkat **MEMUASKAN**.
- viii. Jika calon menulis dalam bentuk point - maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	26 - 30	<u>Tema / Tugas</u> Karangan menepati bahan rangsangan / tugas
	(28 - 30)	<u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. - Huraian jelas dan matang.
	(26 - 27)	<u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Penggunaan *ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas. - Wacana lengkap - Pemerenggan sesuai. *Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.
KEPUJIAN	20 - 25	<u>Tema / Tugas</u> Karangan menepati bahan rangsangan / tugas
	(23 - 25)	<u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. - Huraian jelas.
	(20 - 22)	<u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat.

		<u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. • Wacana lengkap. • Pemerenggan sesuai.
MEMUASKAN	(15 – 19) (17-19) (15-16)	<u>Tema / Tugas</u> • Karangan masih menepati bahan rangsangan / tugas <u>Idea</u> • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. • Huraian masih jelas. <u>Bahasa</u> • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata masih luas / terhad. • Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan masih menarik. • Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas. • Wacana masih lengkap. • Pemerenggan masih sesuai.
PENGUASAAN MINIMUM	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<u>Tema / Tugas</u> • Karangan kurang menepati bahan rangsangan / tugas <u>Idea</u> • Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. • Huraian kurang jelas. <u>Bahasa</u> • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. • Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. • Penggunaan kosa kata terhad. • Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan kurang menarik • Laras Bahasa kurang sesuai mengikut tugas • Wacana kurang lengkap • Pemerenggan kurang sesuai.

TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	1 – 9	• Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan / tugas. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.
	(6 - 9)	
	(1 - 5)	



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

BAHAGIAN B

Format penulisan komen :

- T** - menjawab tugas
- I** - relevan, huraian jelas
- B** - gramatis dari segi kata dan ayat
- P** - sangat menarik dan berkesan

SOALAN 1

Format : Tiada format

KEHENDAK SOALAN :

Calon dikehendaki menghuraikan usaha-usaha lain untuk mengukuhkan semangat kejiranan. Tidak boleh sentuh isi - penubuhan Kawasan Rukun Tetangga (KRT).

KEMUNGKINAN JAWAPAN :

1. Calon menghuraikan idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan usaha untuk mengukuhkan semangat kejiranan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
2. Calon menghuraikan idea dalam petikan sahaja - maksimum peringkat **BAIK**.

SOALAN 2

Format : Tiada

KEHENDAK SOALAN :

Calon dikehendaki menghuraikan langkah yang dinyatakan dalam petikan berserta langkah-langkah lain untuk menyuburkan amalan kitar semula.

CADANGAN IDEA (Isi dalam petikan)

Isi 1 - Ibu bapa mendidik anak-anak tentang kepentingan amalan kitar semula

(Isi luar)

Isi 2 – idea luar

Isi 3 – idea luar

KEMUNGKINAN JAWAPAN

1. Calon menghuraikan idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
2. Calon menghuraikan idea luar sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**

SOALAN 3**Format : Tiada****KEHENDAK SOALAN :**

Calon dikehendaki membincangkan punca-punca berlakunya pengabaian warga emas.

CADANGAN IDEA (Isi daripada petikan)

Isi 1 – kesibukan bekerja

Isi 2 – kurang penghayatan agama

Isi 3 – masalah kesihatan warga emas

KEMUNGKINAN JAWAPAN :

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan punca-punca berlakunya pengabaian warga emas – **TERIMA SEPERTI BIASA**.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK**.

SOALAN 4**Format : Tiada****KEHENDAK SOALAN :**

Calon dikehendaki menghuraikan peranan pelbagai pihak bagi mengatasi masalah penyalahgunaan dadah.

CADANGAN IDEA (Isi Luar Petikan)

Isi 1 - idea luar

Isi 2 – idea luar

Isi 3 – idea luar

KEMUNGKINAN JAWAPAN

1. Calon menghuraikan peranan pelbagai pihak tetapi aspek yang sama – **TERIMA SEPERTI BIASA**.
2. Calon menghuraikan peranan satu pihak sahaja tetapi pelbagai langkah – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon tidak menyatakan peranan mana-mana pihak / secara umum - maksimum peringkat **BAIK**.
4. Calon menghuraikan peranan satu pihak dan satu langkah - maksimum peringkat **BAIK**.

Bahagian B : Karangan Respons Terbuka
[70 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	64 - 70	<u>Tema / Tugas</u> Karangan menjawab tugas
	(68 - 70)	<u>Idea</u> - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas dan matang. - Contoh yang sesuai.
	(64 - 67)	<u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa yang bervariasi. - Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan sangat menarik dan berkesan. - Pemerenggan yang sesuai. - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
KEPUJIAN	55 - 63	<u>Tema / Tugas</u> Karangan menjawab tugas
	(59 - 63)	<u>Idea</u> - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas. - Contoh yang sesuai.
	(55 - 58)	<u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan. - Pemerenggan yang sesuai. - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas.

BAIK	45 - 54 (50 - 54) (45 - 49)	<u>Tema / Tugas</u> • Karangan masih menjawab tugas <u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian masih jelas. • Contoh masih sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. • Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan masih menarik. • Pemerenggan masih sesuai. • Wacana masih lengkap. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
MEMUASKAN	35 – 44 (40 - 44) (35 - 39)	<u>Tema / Tugas</u> • Karangan masih / kurang menjawab tugas <u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian kurang jelas. • Contoh kurang sesuai. <u>Bahasa</u> • Ayat kurang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan <u>Pengolahan</u> • Pengolahan kurang menarik. • Pemerenggan kurang sesuai. • Wacana masih / kurang lengkap. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas.

PENGUASAAN MINIMUM	21 – 34	<u>Tema / Tugas</u> • Karangan kurang menjawab tugas.
	(28 – 34)	<u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas/bercampur aduk. • Huraian tidak jelas / tidak berkembang. • Contoh tidak sesuai.
	(21 – 27)	<u>Bahasa</u> • Ayat yang tidak gramatis tetapi masih difahami. • Penggunaan kata kurang tepat. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan.
		<u>Pengolahan</u> • Pengolahan tidak menarik. • Pemerenggan tidak sesuai / tidak seimbang • Wacana tidak lengkap.
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	1 – 20	• Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami. • Idea tidak relevan / bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai.
	(11 – 20)	
	(1 – 10)	

1. Calon diminta menulis karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan sahaja.
2. Sekiranya calon menulis karangan kurang daripada 340 patah perkataan, markah maksimum yang boleh dipertimbangkan adalah pada peringkat BAIK.
3. Sekiranya calon menulis karangan lebih daripada 510 patah perkataan, markah maksimum yang boleh dipertimbangkan adalah pada peringkat KEPUJIAN.
4. Penggunaan ungkapan menarik diwajibkan untuk pertimbangan karangan CEMERLANG.

PANDUAN MENANDA KESALAHAN ISI, EJAAN DAN TANDA BACA

()	= Kesalahan isi
	= Kesalahan Bahasa, rangkai kata dan perkataan
/	= Kcsalahan cjaan dan huruf besar (nama khas)
//	= Kesalahan ejaan berulang
○	= Kesalahan tanda baca

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT



**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH-SEKOLAH PULAU PINANG**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 2**

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**PERATURAN
PEMARKAHAN**

1103/2@2026 Hak Cipta Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : 8 markah

Soalan 2: 6 markah

Soalan 3 : 11 markah

Soalan 4 : 4 markah

Soalan 5 : 6 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata dasar yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata dasar tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Petikan digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan /jalan bahasa /tanda baca daripada keseluruhan soalan.

Soalan 1 – Morfologi**Kata dasar**

- (i) kawal
 - mengawasi atau mengendalikan sesuatu supaya berada dalam keadaan terkawal atau teratur
 - diawasi
 - penjagaan
- (ii) guna
 - memakai atau memanfaatkan sesuatu untuk tujuan tertentu
 - menggunakan
- (iii) sedih
 - sedu sedan
 - teresak-esak
 - tersedu-sedu
 - tangis
- (iv) corak
 - bunga-bunga pada kain
 - warna pada tanah kain
 - membentuk sifat, rupa, cara

[Maksimum : 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

Bina ayat tanya

- (i) **Bagaimanakah** kerajaan berusaha mengukuhkan identiti negara?
Kerajaan berusaha mengukuhkan identiti negara **bagaimana?**
- (ii) **Siapakah** telah mengisytiharkan bunga raya sebagai bunga kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu?
Telah mengisytiharkan bunga raya sebagai bunga kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu **siapa?**
- (iii) **Berapakah** spesies bunga raya di seluruh dunia?
Spesies bunga raya di seluruh dunia **berapa?**
- (iv) **Bilakah** Rukun Negara telah diperkenalkan?
Rukun Negara telah diperkenalkan **bila?**
- (v) **Di manakah** Sukan Komanwel 1998 berlangsung?
Sukan Komanwel 1998 berlangsung **di mana?**
- (vi) **Mengapakah** Jabatan Landskap Negara telah mengeluarkan panduan teknik penanaman bunga raya?
Jabatan Landskap Negara telah mengeluarkan panduan teknik penanaman bunga raya **mengapa?**

[Maksimun : 6 markah]**Soalan 3 - Penyuntingan****Bahan 1**

- | | | |
|------------------|---|-----------------------------------|
| 1. di | – | pada (tatabahasa) |
| 2. lalat hinggap | – | dihinggap oleh lalat (tatabahasa) |
| 3. lab | – | lap (ejaan) |
| 4. mengelakan | – | mengelakkan (imbuhan) |
| 5. menghalau | – | menghalang/mengelakkan (istilah) |

[Maksimum : 5 markah]**Bahan 2**

- | | | |
|-------------------|---|-----------------------------|
| 1. Febuari | – | Februari |
| 2. lima kenderaan | – | lima buah kenderaan |
| 3. membawa | – | mengambil <i>menjemput</i> |
| 4. mendapatkan | – | mendapati |
| 5. bersama | – | bersama-sama/bersama dengan |
| 6. terhumban | – | tercampak |

[Maksimum : 6 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat.	0
Isi tidak mengikut urutan	0

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Ke mana-mana sahaja tuan tersebut pergi, panah itu akan dibawanya. Pada ketika itu Tuan Sidi Arab menghadap Sultan Muzaffar Syah. Setelah tuan Sidi Arab mendengar berita bahawa Cau Pandan akan datang ke Melaka, tuan Sidi Arab pun berdiri di hadapan baginda. Beliau menghalakan panahnya itu ke arah benua Siam. Tuan Sidi Arab berkata sambil menarik panahnya itu, "Mati engkau, Cau Pandan."

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

Nyatakan peribahasa yang sesuai dengan situasi

1. pucuk dicita ulam mendatang
2. di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung / masuk kandang kambing mengembek masuk kandang kerbau menguak
3. usaha tangga kejayaan/ genggam bara api biar sampai jadi arang/ kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya/ di mana ada kemahuan, di situ ada jalan
4. pemuda harapan bangsa pemudi tiang negara

(Jawapan mesti ikut urutan)

[Maksimum : 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 6 :13 markah

Soalan 7 :12 markah

Soalan 8 :10 markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh sahaja (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman**1. Soalan 2 markah :Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup / ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah :Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas/ ayat gramatis	3
Isi cukup/ menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi <i>tidak</i> cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
Isi <i>tidak</i> cukup (tidak menyentuh semua bahan)	1
Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah :Pemahaman berdasarkan teks

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi <i>tidak</i> cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi <i>tidak</i> cukup (1 isi) / ayat gramatis	2
Isi <i>tidak</i> cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	
Isi <i>tidak</i> cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Jawapan salah	0

4. Soalan 4 markah :Pemahaman unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Jawapan salah	0



Soalan 6

i. Maksud mengangkat reputasi

P1	menaikkan/meninggikan nama baik	2
P2	menaikkan/meninggikan reputasi	1
P3	mengangkat nama baik	1

[Maksimum : 2 markah]

ii. Langkah-langkah memajukan e-sukan di Malaysia

Bahan 1

- P1 komitme Malaysia dalam menganjurkan kejohanan e-sukan bertaraf dunia
- P2 sokongan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)
- P3 Universiti Kuala Lumpur juga menawarkan subjek pembangunan kandungan e-sukan

Bahan 2

- P4 kelab e-sukan perlu diwujudkan di sekolah rendah lagi sebagai langkah awal untuk mencungkil bakat baharu
- P5 penganjuran pertandingan e-sukan di peringkat tempatan juga perlu diperbanyak
- P6 disokong oleh dana daripada pelbagai pihak

Bahan 3

- P7 ibu bapa perlu menyokong anak-anak yang berminat dalam e-sukan
- P8 kerajaan dan swasta juga perlu bekerjasama dalam menyediakan pusat latihan berkemudahan tinggi bagi meningkatkan kualiti pemain

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

iii. Sebab-sebab ibu bapa mempunyai tanggapan negatif

- P1 ibu bapa khuatir anak-anak mengabaikan pelajaran kerana terlalu fokus/leka bermain/berlatih
- P2 ibu bapa risau akan masalah kesihatan anak-anak seperti rabun dan gangguan tidur kerana menatap skrin terlalu lama
- P3 ibu bapa kurang pendedahan tentang struktur e-sukan sekali gus menganggap e-sukan tidak mempunyai peluang kerjaya/tidak mempunyai masa hadapan
- P4 ibu bapa bimbang perubahan tingkah laku dalam kalangan anak-anak apabila bermain permainan yang ganas

(terima sebab-sebab lain yang bersesuaian)

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

iv. Tindakan yang akan saya lakukan ialah

- P1 Menasihati rakan saya supaya membahagikan masa antara pelajaran dan permainan video
 - P2 Mengajak rakan saya bertemu kaunselor/guru sekolah untuk mendapatkan sesi kaunseling tentang pengurusan masa
 - P3 Memberitahu kepada ibu bapa rakan saya supaya memantau aktiviti rakan saya di rumah
 - P4 Berkongsi video/artikel/informasi tentang keburukan ketagihan permainan video kepada rakan saya
 - P5 Mengajak rakan saya untuk mengulang kaji pelajaran bersama-sama
- (terima tindakan-tindakan lain yang bersesuaian)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 7

(i) Tindakan Nejra setelah mendengar jeritan rakan-rakannya

- P1 Nejra segera bangun dan berlari keluar dari rumah
- P2 Dia tergamam melihat kepulan debu yang menghalang penglihatannya.

[2 markah]

(ii) Perkara yang perlu disyukuri dalam hidup

Bahan 1

- P1 rakan-rakan dan keluarga baharunya sangat ramah
- P2 diajar dengan ilmu duniawi dan ukhrawi dengan lebih lengkap

Bahan 2

- P3 Memperoleh ilmu dengan banyak
(Menimba ilmu tidak terperi)
- P4 Dianugerahi badan yang sihat
(Badan sihat anugerah diberi)

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan kedua-dua bahan.

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Kepentingan berakhlak mulia dalam membentuk sebuah masyarakat yang harmoni

- P1 Mewujudkan sikap saling menghormati sesama ahli masyarakat kerana sikap ini dapat mengeratkan hubungan.
- P2 Melahirkan generasi berakhlak mulia kerana nilai pekerti yang diamalkan dapat menjadi teladan kepada masyarakat.
- P3 Memupuk kerjasama dalam kalangan masyarakat kerana individu yang berpekerti mulia lebih mudah dipercayai dan disukai.
- P4 Mewujudkan suasana masyarakat yang aman kerana setiap individu saling memahami dan menghormati antara satu sama lain.
- P5 Membentuk imej diri yang positif kerana individu yang berpekerti baik akan dipandang tinggi dan dihormati oleh masyarakat.
- P6 Mengelakkan konflik dan perselisihan faham kerana tutur kata yang kurang disenangi akan menyentuh perasaan orang lain sehingga dapat merenggangkan hubungan.

(terima kepentingan-kepentingan lain yang bersesuaian)

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

- (iv) Aktiviti yang boleh dilaksanakan bagi menjayakan kempen Budi Bahasa Budaya Kita.
- P1 Pertandingan poster/folio/buku skrap/esei bertemakan budi bahasa bagi memupuk penghayatan budi bahasa/nilai murni.
 - P2 Menghasilkan video/sketsa berkaitan amalan berbudi bahasa kerana penggunaan kreativiti dan teknologi dapat menyampaikan mesej secara lebih berkesan.
 - P3 Sistem Ganjaran Murid Beradab supaya bentuk penghargaan lebih mendorong murid untuk terus mengamalkan nilai murni.
 - P4 Program Mentor Mentee PRS bagi membimbing rakan sebaya kerana murid lebih mudah menerima teguran dan nasihat daripada rakan sendiri.
 - P5 Menjemput penceramah untuk menyampaikan ceramah tentang kepentingan budi bahasa.
- (terima aktiviti-aktiviti lain yang bersesuaian)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

- (i) Sebab-sebab manusia tidak peduli tentang pencemaran

- P1 Air datang dari paip
- P2 Semua orang berada di dalam rumah dan kereta mereka dengan penyaman udara ditala ke suhu terendah
- P3 Ada orang kutip dan uruskan sampah sebelum waktu subuh
- P4 Manusia terpisah daripada kekotoran dan sisa yang dihasilkan mereka sendiri

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan Pemarkahan bagi soalan 8 (ii)

- (ii) Jawapan soalan novel

- (a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dikaji.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap isi yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (1 markah bagi pernyataan isi dan 1 markah huraian / contoh).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah.
- (g) Markah bahasa diberi secara gambaran menyeluruh.
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
- (h) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (i) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 8 (ii)

Peristiwa yang menggambarkan semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat sehingga dapat menyelesaikan sesuatu masalah.

(a) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

1. Peristiwa Lili, Gheeta dan Danel bekerjasama menyelesaikan isu kubah surau. Mereka menyelesaikan masalah golongan tua yang kurang bersetuju dengan pembinaan masjid baharu, sebaliknya hanya mahu kubah dipasang di surau yang sudah lama usianya. Melalui perbincangan secara terbuka, akhirnya penduduk kampung sebulat suara bersetuju memasang kubah di masjid baharu.

Huraian : Peristiwa ini menggambarkan semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat sehingga dapat menyelesaikan masalah perselisihan pendapat antara golongan muda dan golongan tua dalam sesebuah komuniti.

2. Peristiwa Lili bekerjasama dengan Puan Hamimah untuk menyelesaikan isu keganasan rumah Che Jah. Lili mendapatkan bantuan daripada Puan Hamimah, iaitu Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk menyelesaikan masalah rumah tangga Che Jah yang sering dipukul oleh suaminya, Seman. Akhirnya, Che Jah bersetuju untuk membuat laporan polis dan Seman berjaya dihadapkan ke muka pengadilan.

Huraian : Peristiwa ini menggambarkan semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat sehingga dapat menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga yang meninggalkan kesan trauma yang mendalam kepada mangsanya.

3. Peristiwa Lili bekerjasama dengan datuk untuk merawat Haziq dan Rafiq. Datuk menyediakan ramuan herba, manakala Lili membersihkan luka-luka yang dialami oleh dua beradik tersebut akibat dibelasah oleh penduduk kampung. Akhirnya Haziq dan Rafiq berjaya disembuhkan.

Huraian : Peristiwa ini menggambarkan semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat sehingga dapat menyelesaikan masalah individu yang ditimpa kecelakaan dengan memberi rawatan segera.

4. Peristiwa penduduk kampung bekerjasama menangkap Seman. Penduduk kampung berjaya menangkap Seman di belakang pondok dusun kerana mencuri kubah surau. Kemudian, Seman dibawa oleh orang kampung ke balai polis. Akhirnya individu yang sering membuat masalah di kampung tersebut berjaya ditangkap.

5. Huraian : Peristiwa ini menggambarkan semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat sehingga dapat menyelesaikan masalah kepincangan masyarakat yang melakukan jenayah.

Nota : Peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

(b) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayib

1. Peristiwa Haji Sulaiman bekerjasama dengan kakitangan Hospital Batu Pahat. Beliau bersama-sama tiga orang kakitangan hospital datang ke rumah Embong untuk membawa Saleha ke hospital bagi mendapatkan rawatan akibat kemurungan. Setelah beberapa bulan menjalani rawatan, akhirnya Saleha kembali pulih dan dibenarkan pulang ke rumah.
Huraian : Peristiwa ini menggambarkan semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat sehingga dapat menyelesaikan masalah kesihatan ahli masyarakat agar kembali pulih seperti sediakala.
2. Peristiwa Kavita dan Najib bekerjasama membantu Dahlia dalam pembelajaran. Kavita memberikan nota pelajaran kepada Dahlia sepanjang ketidakhadiran Dahlia ke sekolah kerana menjaga adik-adiknya di rumah semasa ibu dan bapanya dimasukkan ke hospital. Melalui nota-nota yang diberikan dan ketekunan Dahlia mengulang kaji pelajaran, akhirnya Dahlia berjaya mendapat keputusan yang cemerlang dalam STPM.
Huraian : Peristiwa ini menggambarkan semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat sehingga dapat menyelesaikan masalah keciciran dalam pelajaran akibat kekangan dengan tuntutan menjaga ahli keluarga.
3. Peristiwa penduduk kampung bekerjasama membina semula rumah Embong. Seluruh penduduk Kampung Parit Haji Rais bergotong-royong membina semula rumah Embong yang hampir roboh akibat banjir. Hasil kerjasama tersebut, Embong sekeluarga mempunyai tempat berteduh yang lebih sempurna dan selamat.
Huraian : Peristiwa ini menggambarkan semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat sehingga dapat menyelesaikan masalah seseorang yang berada dalam kesulitan akibat bencana alam.
4. Peristiwa penduduk kampung bekerjasama mengumpulkan wang untuk Dahlia bagi melanjutkan pelajaran. Haji Sulaiman telah menyerahkan sampul derma daripada orang kampung yang berjumlah RM500 kepada Dahlia untuk digunakan ketika mengikuti kursus Bahasa Jepun di Universiti Malaya.
Huraian : Peristiwa ini menggambarkan semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat sehingga dapat menyelesaikan masalah kewangan bagi meringankan beban seseorang untuk melanjutkan pelajaran.

Nota : Peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagikan kepada :

- (a) Isi maksimum -20 markah
- (b) Bahasa maksimum - 10 markah
- (a) **Isi [20 markah]**
 - i. Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan :
 - Nama khas
 - Perkataan berganda
 - Penggunaan kata sendi di dan ke
 - Tarikh
 - Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - Gelaran
 - Penanda wacana
 - Peribahasa
 - ii. Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja
 - iii. Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya tidak perlu diperiksa.
 - iv. Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
 - v. Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan setiap bahan.
 - vi. Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus dan semua bahan ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima						Markah Isi Maksimum
i. Pendahuluan	Fokus 1 + Fokus 2 + Fokus 3							2
ii. Isi Bahan 1								16
Fokus 1 (A) kepentingan/kebaikan/kelebihan/ manfaat/faedah	6	2	3	2	2	1	1	
Fokus 2 (B) cabaran/masalah/kekangan/halangan	1	1	1	1	1	1	1	
iii. Isi Bahan 2								
Fokus 1 (C) kepentingan/kebaikan/kelebihan/ manfaat/faedah	3	2	1	2	1	1	1	
Fokus 2 (D) cabaran/masalah/kekangan/halangan	2	2	2	1	2	1	1	
iv. Isi Bahan 3								
Fokus 3(E) Langkah/usaha/cara/inisiatif/kaedah/ tindakan	4	1	1	2	2	2	4	
Jumlah Isi	16	8	8	8	8	8	8	
v. Penutup	Tema + Cadangan + Kesan							2
JUMLAH MARKAH								20

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 - 10 markah	- Kesinambungan ayat sangat baik. - Bahasa sangat gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Pengolahan sangat menarik dan berkesan.
Baik	5 - 7 markah	- Kesinambungan ayat baik. - Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. - Penggunaan kosa kata masih luas dan tepat. - Pengolahan masih menarik dan berkesan.
Sederhana	3 - 4 markah	- Kesinambungan ayat kurang baik. - Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. - Penggunaan kosa kata kurang luas dan tepat. - Pengolahan kurang menarik dan berkesan.
Lemah	1 - 2 markah	Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

Nota :

- Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa.
- Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa sangat baik, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, berikan 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

P1	...membincangkan kepentingan/kebaikan/kelebihan/manfaat/faedah aktiviti berpasukan, cabaran/masalah/kekangan/halangan pelaksanaan aktiviti berpasukan dan langkah/cara/ usaha/inisiatif/kaedah/tindakan melaksanakan aktiviti berpasukan.	2
P2	...membincangkan kepentingan/kebaikan/kelebihan/manfaat/faedah aktiviti berpasukan, cabaran/masalah/kekangan/halangan pelaksanaan aktiviti berpasukan	1
P3	...membincangkan kepentingan/kebaikan/kelebihan/manfaat/faedah aktiviti berpasukan dan langkah/cara/usaha/inisiatif/kaedah/tindakan melaksanakan aktiviti berpasukan.	1
P4	...membincangkan cabaran/masalah/kekangan/halangan pelaksanaan aktiviti berpasukan dan langkah/cara/usaha/inisiatif/kaedah/tindakan melaksanakan aktiviti berpasukan.	1
P5	...membincangkan kepentingan/kebaikan/kelebihan/manfaat/faedah aktiviti berpasukan	1
P6	...membincangkan cabaran/masalah/kekangan/halangan pelaksanaan aktiviti berpasukan	1
P7	...membincangkan langkah/cara/usaha/inisiatif/kaedah/tindakan melaksanakan aktiviti berpasukan	1

Isi [16 markah]**Fokus 1 : kepentingan/kebaikan/kelebihan/manfaat/faedah aktiviti berpasukan****Bahan 1**

A1	dapat menggalakkan persefahaman antara murid yang berbilang kaum	2
A2	mampu membina interaksi yang berkesan dalam memajukan pasukan mereka	2
A3	akan bergerak seiringan demi mencapai matlamat yang telah ditetapkan.	2
A4	mampu mengetengahkan pelbagai potensi yang ada dalam diri murid	2
A5	dapat memberikan satu pengalaman baharu kepada mereka	2
A6	dapat mewujudkan suasana yang mesra dalam kalangan ahli pasukan	2

Bahan 2

B1	dapat meningkatkan kemahiran sosial melalui komunikasi	2
----	--	---

Fokus 2 : cabaran/masalah/kekangan/halangan/halangan pelaksanaan aktiviti berpasukan**Bahan 1**

C1	sikap ahli yang pasif dengan tidak mahu melibatkan diri secara aktif	2
C2	ramai murid yang tidak mempunyai keyakinan diri	2
C3	ada juga murid yang suka menyendiri seolah-olah hilang arah dari kumpulan	2

Bahan 2

D1	kurang fasih berbahasa Melayu	2
D2	tidak suka bergaul dengan kawan-kawan berlainan kaum	2

Fokus 3 : langkah/cara/usaha/inisiatif/kaedah/tindakan melaksanakan aktiviti berpasukan
Bahan 3

- | | | |
|----|---|---|
| E1 | Menyusun tujuan/strategi untuk mencapai matlamat
(susun tujuan capai matlamat) | 2 |
| E2 | Membahagi tugas mengikut potensi ahli dalam pasukan
(bahagi tugas mengikut potensi) | 2 |
| E3 | Berbincang untuk mencari solusi/penyelesaian masalah
(berbincang mencari jalan solusi) | 2 |
| E4 | Saling/sentiasa menyokong/berusaha untuk menghadapi cabaran/masalah/kekangan
(saling menyokong hadapi cabaran) | 2 |

Kesimpulan [2 markah]

- | | | |
|----|---|---|
| K1 | Kesimpulannya, aktiviti berpasukan mestilah dilaksanakan secara menyeluruh agar keberkesanannya dapat dicapai oleh murid sekolah. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, aktiviti berpasukan mestilah dilaksanakan secara menyeluruh. | 1 |

(Kesimpulan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

PERATURAN PERMARKAHAN TAMAT

